

**Iskandar Malaysia Tidak Pernah Pinggir Rakyat Johor - TPM  
Bernama  
25 April, 2013**

SEGAMAT, 25 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin Khamis berkata projek pembangunan Iskandar Malaysia setakat ini berjaya membawa nilai pelaburan sebanyak RM102 bilion dan memberi sumbangan besar secara langsung atau tidak langsung kepada rakyat Johor.

"Projek Iskandar Malaysia telah menjana banyak peluang ekonomi dalam proses pembangunannya yang melibatkan ramai kontraktor tempatan untuk menjalankan kerja-kerja projek di situ.

"Malah ia telah menghasilkan peluang pekerjaan sebanyak puluhan ribu dengan sebahagian besar dapat faedah kepada rakyat Johor," katanya timbalan perdana menteri pada sidang media selepas merasmikan majlis pelancaran 1Malaysia Support For Housewife (1MS4HW) dan Perasmian Karnival Azam Kerja 1Malaysia di sini.

Beliau menegaskan bahawa dengan pembangunan Iskandar Malaysia ini, limpahannya turut dirasai banyak kawasan lain yang kini semakin maju, tanah seekar (0.4 hektar) yang dulu bernilai daripada RM30,000 hingga RM50,000 kini meningkat kepada RM1 juta sehingga RM2 juta.

"Adakah ini Anwar tak faham atau tak nampak saya tak tahulah," katanya menolak tohmahan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya projek pembangunan Iskandar Malaysia kurang melibatkan penyertaan dan kurang beri manfaat kepada orang Johor.

Semalam Anwar dalam satu ceramah di Bandar Baru Uda, Johor Baharu mendakwa Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak gagal memastikan penyertaan ramai rakyat Johor dalam projek pembangunan Iskandar Malaysia.

Timbalan perdana menteri berkata kerajaan tidak pernah menyekat mana-mana orang Johor yang mempunyai modal melabur di kawasan itu bersama-sama pelabur dari dalam dan luar negara.

"Jangan lihat faedah dari segi buat projek atau pelaburan sahaja, tetapi dalam pelbagai bentuk yang mungkin pihak Iskandar Malaysia boleh menjawabnya dengan lebih jelas dari segi statistik yang boleh dikeluarkan, apakah hasil pembangunannya.

"Saya yakin dengan statistik itu ia boleh jawab tohmahan Anwar bahawa Iskandar Malaysia hanya menguntungkan pihak lain dan bukan rakyat Johor," katanya.

Sementara itu mengulas perjalanan jentera BN menjelang 10 hari lagi tarikh pilihan raya, Muhyiddin berkata kempen parti itu kini berjalan lancar dengan lebih banyak aktiviti mendekati pengundi dijalankan.

BN, katanya, yang cukup berpengalaman dalam soal itu, mempunyai cara tersendiri untuk mendekati pengundi bagi menjelaskan sesuatu isu berbanding pembangkang yang kelihatan agak agresif dalam kempen mereka.

Dalam masa yang sama, Muhyiddin turut mengingatkan jentera BN bahawa kehadiran

orang ramai pada ceramah yang dihadiri pemimpin pembangkang tidak mencerminkan sokongan rakyat.

"Saya harap kita tidak terpengaruh, kita pun biasa dengan kehadiran 30,000 sehingga 50,000 orang pada program-program yang kita adakan. Yang penting kita tahu sikap pengundi," katanya.

Majlis itu turut dihadiri isteri timbalan perdana menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S Subramaniam yang juga calon BN untuk kerusi Parlimen Segamat

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945178>